



Anwar dan Li Qiang bertukar-tukar 'coffee table books' sebagai memperingati hubungan diplomatik dua negara di Kuala Lumpur, semalam. (Foto bernama)

Malaysia, China setuju lanjutkan pengecualian visa

Langkah teruskan kemudahan sehingga akhir 2025, 2026 kukuh persahabatan dua negara

Oleh Mohd Nasaraddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia dan China menyokong usaha berterusan berhubung pengecualian visa bagi memupuk serta mengukuhkan hubungan persahabatan antara kedua-dua negara.

Kenyataan bersama dikeluarkan pada hari terakhir lawatan rasmi Perdana Menteri China, Li Qiang ke negara ini semalam, memaklumkan China bersetuju untuk melanjutkan kemudahan itu sehingga akhir 2025, manakala Malaysia pula sehingga penghujung 2026.

Menurut kenyataan itu lagi, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Li Qiang mengalu-alukan minat mendalam untuk meneruskan perundingan dan perbincangan mengenai pengecualian visa bersama bagi memudahkan kemasukan

rakyat Malaysia dan China.

Terdahulu pada 31 Mei lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ketika lawatan ke Beijing, mengumumkan China bersetuju untuk melanjutkan tempoh pengecualian visa pelancong dari Malaysia daripada 15 ke 30 hari.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, memaklumkan Malaysia pula bersetuju memberikan pelancong China visa percuma selama 30 hari.

Tingkat kerjasama pendidikan

Sementara itu, Malaysia dan China juga bersetuju untuk meningkatkan kerjasama pendidikan ke tahap baharu, mengukuhkan kerjasama dalam pendidikan vokasional, penyelidikan saintifik bersama dan pendidikan digital.

"Ia termasuk bagi mengiktiraf institusi pendidikan tinggi untuk bersama-sama menubuhkan institut pengajian lanjutan, meningkatkan interaksi antara badan pemikir dan institusi pendidikan tinggi, memupuk lawatan bersama antara guru serta pelajar serta meningkatkan pertukaran budaya dan pembelajaran bersama.

"Kedua-dua pihak turut mengalu-alukan lebih banyak kerjasama dalam bidang media, berita dan penerbitan, filem dan penyiaran bagi meningkatkan persefahaman dan persahabatan an-

tara rakyat terutama generasi muda.

"Juga meningkatkan pertukaran budaya dan pembelajaran bersama," menurut kenyataan bersama itu.

Kedua-dua Perdana Menteri sejak kelmarin mengadakan perbincangan dan pertemuan dua hala susulan lawatan kerja Li Qiang ke Malaysia bermula Selasa lalu sempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-China.

Kedua-dua negara turut mengesahkan untuk menjalankan pusingan baharu berhubung penyelidikan bersama mengenai perlindungan panda sempena memperingati ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik, sekali gus mengukuhkan kerjasama penyelidikan saintifik.

Selain itu, bersetuju untuk bekerjasama dalam pencalonan multinasional bagi memasukkan unsur tarian singa dalam Senarai Wakil Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi Warisan Budaya Tak Ketara (ICH) Kemanusiaan.

"Ini memandangkan kedua-dua pihak meraikan tarian singa sebagai satu bentuk perkongsian sejarah dan bersama-sama mempromosikan pemeliharaan warisan bersama," menurut kenyataan itu lagi.